

17/11/2000

Amerika boleh pengaruh Israel henti serang Palestin

KUALA LUMPUR, Khamis - Amerika Syarikat didesak menggunakan kuasa dan pengaruhnya untuk menghentikan keganasan Israel di Palestin bagi memulakan proses perdamaian di rantau itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata proses perdamaian dan menghentikan persengketaan itu sepatutnya sudah lama dilakukan menerusi penubuhan pasukan pengaman antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) seperti yang dikemukakan oleh negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Bagaimanapun, katanya, penubuhan pasukan itu masih lagi tertangguh kerana belum mendapat persetujuan Majlis Keselamatan PBB berikutan keengganan Amerika memberikan persetujuannya terhadap cadangan berkenaan.

Katanya, walaupun semua pihak mengetahui Amerika memang bersikap berat sebelah kerana cenderung kepada Israel, sebagai kuasa besar ia boleh mengambil tindakan yang lebih seimbang daripada yang dilakukannya sekarang.

"Amerika saja yang dapat memainkan peranan bermakna dan berkesan (untuk menghentikan keganasan itu). Jika Amerika bersetuju, Setiausaha Agung PBB akan menubuhkan pasukan itu dan menjemput negara anggota PBB untuk membabitkan diri. Negara mana terbabit, terpulang kepada Majlis Keselamatan dan PBB.

"Pada saya ada keperluan untuk menyegerakan (keputusan itu). Selagi Amerika tidak bersetuju, nampaknya kita tidak dapat bergerak dan pembunuhan serta keganasan terus dilakukan Israel terhadap Palestin," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan sumbangan kewangan AS\$30,000 (RM114,000) kepada Duta Thailand ke Malaysia, Suchitra Hiranprueck, di Wisma Putra, hari ini. Sumbangan itu bagi membantu rakyat Thailand yang terjejas kehidupan mereka akibat banjir besar yang melanda Lembah Mekong, baru-baru ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika menghadiri sidang kemuncak OIC di Doha, Qatar, baru-baru ini menyebutkan Malaysia bersedia menghantar tentera ke Palestin jika diminta PBB.

Syed Hamid berkata, banyak negara dalam OIC dan Kesatuan Eropah (EU) bersetuju supaya proses damai di Semenanjung Gaza dan Tebing Barat itu dimulakan kembali serta berpendapat keganasan perlu dihentikan.

Bagaimanapun, katanya, untuk membuat keputusan muktamad dan mendapat sokongan undang-undang antarabangsa perlu mendapat keputusan Majlis Keselamatan PBB dan Amerika adalah ahli terkuat majlis berkenaan.

"Kita kena balik kepada punca ini iaitu Amerika yang menentukan segala-galanya, sama ada boleh atau tidak keganasan itu dihentikan. Ini realiti yang kita kena terima. Ini bukan dari segi konsep.

"Perkara yang sebenarnya ialah jika Amerika hendak, bukan saja memanggil Ehud Barak dan Yasser Arafat untuk berunding, tetapi Amerika juga kena tentukan keganasan ini dihentikan.

"Kalau hendak mulakan proses damai tetapi mereka (tentera Israel) terus mengepung dan menembak, menggunakan kekuatan ketenteraan, ini tidak akan menghasilkan sebarang perdamaian dan bukan sesuatu yang berfaedah kepada rakyat Palestin," katanya.

(END)